

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 JULAI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Umat Islam sambut Aidilfitri dalam jerebu	Utusan Malaysia
2.	Asteroid named after Malaysian teen	The Sun
3.	Gerabak Ayer Hitam	Utusan Malaysia
4.	Inovasi menjana pendapatan	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 13 JULAI 2015 (ISNIN)

Umat Islam sambut Aidilfitri dalam jerebu

KUALA LUMPUR 12 Julai - Beberapa negeri di Semenanjung terutama di bahagian selatan dan beberapa daerah di Sarawak diramal mengalami jerebu ketika umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang dijangka Jumaat ini.


Pegawai Kanan Meteorologi, Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, keadaan itu adalah kesan daripada keadaan jerebu di daerah Kalimantan dan Sumatera, Indonesia yang merebak ke kawasan lain termasuk negeri terbabit.

Katanya, cuaca kering serta perubahan angin tropika turut menyebabkan pergerakan angin yang semakin perlahan sehingga mempengaruhi bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU).

"Bagaimanapun, keadaan itu belum mencapai ke tahap kritikal dan dijangka berlarutan sehingga penghujung Ogos ini. Negeri lain terutama di bahagian Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang tidak mengalami masalah ini disebabkan tiupan angin kencang yang membawa jerebu ke kawasan lain.

"Selain itu, keadaan cuaca panas dijangka akan dialami penduduk di negara ini dengan suhu antara 33 hingga 35 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 3
TARIKH: 13 JULAI 2015 (ISNIN)



Asteroid named after Malaysian teen

BY AIEZAT FADZELL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Seventeen-year-old Faye Jong Sow Fei from Sarawak literally has her name carved in the universe after becoming the first Malaysian to have an asteroid named after her.

The Lincoln Observatory Near-Earth Object Team (LINEAR) has named the asteroid as 31460Jongsowfei (1999 CV19) to honour her success at last year's Intel International Science and Engineering Fair for her environmental management project.

"I am very honoured for the award. I was informed last year that the asteroid will be named after me. I am very delighted having won the

competition last year.

"It was really a once-in-a-lifetime experience for me and I hope that those following my footsteps one day will make full use of the golden chance that is bestowed upon them to weave wonderful and lasting memories that will be with them forever," Jong said when contacted by *theSun*. The "absolute magnitude" asteroid was actually discovered on Feb 10, 1999 by the Lincoln LINEAR.

"I have checked with the National Space Agency (ANGKASA) and they told me I was the first Malaysian to receive such an honour and I am pleased with that," Jong said.

31460 Jongsowfei is one of over a hundred new planets given new names, as the process of giving a name to an asteroid can take decades

as experts must establish that they are not observing an already known object, which is hard, since asteroids all look almost similar.

Jong won the Environmental Management Award last year through the presentation of the project entitled "Biowaste as Eco-Friendly Materials Mordants in Fabric Dye Process".

She is the first Malaysian to win the grand prize at the competition participated by 1,700 students representing 70 countries last year.

She also received US\$5,000 (about RM16,000) for the best category and US\$3,000 for the first prize and was selected among the three participants to join the European Union Contest for Young Scientists in Warsaw, Poland in September.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (AGRO MEGA) : MUKA SURAT 8 & 9

TARIKH : 13 JULAI 2015 (ISNIN)

Selama 21 tahun Wak Wagiman berkecimpung dalam industri trak ini, dia amat berterima kasih kepada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) kerana memberi penghargaan kepadanya yang tidak pernah beliau impikan.



Gerabak Ayer Hitam

Trak serba guna hasil inovasi Wak Wagiman guna barangan terpakai

BEBANAN tugas petani ibarat tiada kesudahannya, sedangkan pada realitinya pada zaman seba moden dan negara melahirkan banyak pakar dalam bidang kejuruteraan, petani masih lagi dibelenggu dengan kerja-kerja berat. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Betulah perumpamaan bagi menggambarkan realiti hidup petani yang terpaksa bertungkus lumus menjalankan tanggungjawab mereka untuk mencari nafkah bagi seisi keluarga. Mereka menggunakan tulang empat kerat dan perlu bekerja keras dan mengangkat hasil tanaman yang berat di bawah terik matahari. Sekilas pandang, jika kita mengamati industri pertanian kini, jelas bidang tersebut kurang menarik minat dalam kalangan anak muda. Malah golongan itu

lebih gemar mencari nafkah di bandar sekali gus menunjukkan kurangnya bilangan tenaga kerja muda. Akhirnya kita melihat golongan pertengahan dan lewat usia mengerjakan tanahbagi menghasilkan tanaman makanan untuk kegunaan kita. Jadi tidak hairanlah, seorang pencipta inovasi yang terkenal di Muar, Johor, Wagiman Dulahabedi tampil dengan inovasi trak serbaguna bagi menyelesaikan masalah tersebut. Dia yang mesra dipanggil Wak Wagiman berjaya meletakkan namanya antara inovator yang berjaya dengan semangat yang murni untuk membantu masyarakat kampungnya. Wak Wagiman pernah bekerja sebagai seorang pemandu lori dan kemudiannya mencari rezeki sebagai petani di ladang kelapa sawit pada usia 40 tahun.



Sebagai petani, Wak Wagiman dan masyarakat kampung berhadapan dengan kekangan pengangkutan hasil kelapa sawit. Lantas dia gigih memikirkan alat atau kenderaan yang mampu memudahkan hasil pertanian diangkut dari ladang yang luas dengan kereta sorong. Namun ia masih tidak mampu menampung hasil kelapa sawit yang diperoleh. Ini kerana kereta sorong tersebut berkapasiti kecil dan memerlukan tenaga yang tinggi untuk mengendalikannya. Selepas itu, tercetuslah idea menggunakan motosikal pula. Akan tetapi penggunaan motosikal masih belum dapat

TRAK serba guna ciptaan Wak Wagiman membanggakan penduduk kampung.

mengangkut buah sawit dengan lebih efisien. Hasil padan dan suai daripada barangan terpakai dan buangan, terhasilah sebuah trak serba guna yang mampu mengangkut pelbagai barangan terutamanya hasil sawit dari ladangnya. Trak serba guna tersebut dikenali sebagai Gerabak Ayer Hitam (GAH). Walaupun menggunakan kekuatan enjin motosikal Vespa, Gerabak Ayer Hitam mampu mengangkut hasil ladang seperti kelapa sawit, nanas, getah dan lain-lain tanaman yang berat. Selain itu, setiap komponen yang dipasang untuk membuatkan trak ini mudah dipasang dan dibuka sekali gus membolehkannya mudah dijaga, dibaiki tanpa penjaan teliti. Bermula dengan kegunaan sendiri, trak serba guna Wak Wagiman mula mendapat sambutan ramai. Dengan besar hati, dia membina lebih banyak trak demi berkongsi kesenangan bekerja di ladang dengan jiran tetangganya. Sebagai seorang inovator atau pencipta, tiada apa-apa yang terlepas fikiran. Sama ada kerusi plastik lama, rim tayar lori lama, enjin skuter, kotak gear terpakai dan motor sprocket; malah apa saja barang buangan berguna akan digunakan oleh pereka inovatif yang berani ini. Dia akan mencari jalan bijak untuk menginovasikan barangan tersebut menjadi mesin berguna yang dapat membantu aktiviti pertanian. Wak Wagiman juga harus mengeluarkan modal demi menghasilkan traknya. Sebuah enjin skuter terpaksa dibeli pada harga antara RM500 hingga RM600 manakala rim roda terpakai pula pada RM25 setiap satu. Bagi badan kenderaan pula, beliau membeli secara langsung dari kilang yang mengeluarkan mereka.



WAGIMAN DULAHABEDI



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (AGRO MEGA) : MUKA SURAT 8 & 9
TARIKH : 13 JULAI 2015 (ISNIN)

Inovasi menjana pendapatan

SEHINGGA kini, Wak Wagiman telah menghasilkan lebih 100 buah trak serba guna. Trak tersebut dijual pada harga RM7,000 hingga RM13 000 setiap satu bergantung kepada spesifikasinya. Sebagai contoh, trak berharga RM7,000 tersebut mampu menampung hasil tanam sehingga keluasan 12 hektar.

Pada tahun 2011, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) menjejaki inovasi Wak Wagiman di kampungnya menerusi Program Jejak Inovasi.

YIM telah bekerjasama dengan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Industri Kecil Sederhana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED) memberi bantuan infrastruktur untuk menambahbaik bengkel Wak Wagiman serta kelengkapan yang lebih moden.

Menurutnya, dia tidak mencipta trak serba guna tersebut secara kebetulan, sebaliknya melihat kepada keperluan masyarakat luar bandar dalam melaksanakan tugas harian.

Melihat betapa peritnya kerja sebagai

petani, dia menyedari bahawa mereka amat memerlukan sebuah mesin yang mampu dimiliki dan peralatan untuk mengurangkan tugas yang sukar seperti mengangkut sawit.

"Trak serbaguna yang dicipta itu sebagai jentera pertanian yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan serta boleh laras.

"Trak tersebut telah diubah suai, ditambah baik dan beberapa bahagian pada trak boleh disambung dan dilepaskan untuk melakukan kerja khusus dalam sektor pertanian," katanya.

Melalui kepakaran yang ada, Wak Wabeliau tidak teragak-agak untuk sentiasa mencari idea baharu terutamanya mencipta sesuatu alat daripada barangan terpakai.

Bagi Wak Wagiman, kajian dan ciptaan yang diciptanya itu membawa ke satu pengembaraan dan kasih sayang yang tiada berkesudahan.

Ini kerana setiap ciptaannya melalui idea kreatif seni, sains kitar semula dan inovasi mengandungi kisah yang tidak

ternilai terutamanya apabila melihat hasil pertanian meningkat sekali gus membuka pintu rezeki yang luas buat petani.

Setiap kali memandang barangan terbuang, tiada yang terlepas daripada pemikirannya untuk mengitar semula barangan tersebut bagi menghasilkan satu ciptaan yang memberi manfaat kepada orang ramai.

Menurutnya, pereka perlu berani mencari jalan menggunakan barangan terbuang dan dimanfaatkan untuk pembangunan mesin yang boleh meringankan kerja keras berkaitan dengan pertanian dan perladangan.

Memahami selok-belok bidang yang menjadi pilihannya, Wak Wagiman amat peka dan bijak dalam mencari dan memperoleh komponen barangan kehendaki selain membelinya daripada bengkel membaiki kereta.

Namun, ada juga barangan yang tidak diperolehi secara percuma dan terpaksa membeli daripada individu atau melalui mekanik.

"Untuk enjin skuter, saya terpaksa membeli dengan harga di antara RM500 hingga RM600 manakala membeli roda rim pada harga RM25 setiap satu. Bagi badan kenderaan itu, saya membeli secara langsung dari kilang," jelasnya.

Daripada bahan-bahan tersebut, dia merealisasikan penghasilan trak serba guna tersebut di ladangnya di Muar.

Selain itu, trak yang ciptanya memiliki ciri-ciri mesra pengguna kerana setiap komponen pada trak itu mudah dipasang dan dilepaskan sekiranya mengalami kerosakan.

Malah trak tersebut mudah dijaga dan dibaiki tanpa penjagaan teliti.

Wagiman berhasrat berkongsi kemudahan yang diciptanya itu bagi kegunaan golongan petani dengan meluaskan cabang untuk memasarkan kepada orang ramai khususnya golongan petani.

Pereka inovasi itu telah menghasilkan sebanyak lima ciptaan yang bertujuan membantu dan meringankan bebanan

golongan petani serta kini sedang mengintai peluang untuk memasuki pasaran di Pahang dan Melaka.

Sementara di Johor, dia telah berjaya menembusi pasaran di Gelang Patah dan Tangkak.

Sehingga kini, dia telah menjual lebih daripada 100 peralatan ciptanya selama 12 tahun bergiat dalam bidang tersebut.

Setiap mesin serbaguna dijual pada harga RM6,000 sebuah.

Pada masa sama, dia menggunakan mesin ciptaannya untuk perniagaan sendiri seperti menyewa untuk digunakan oleh petani dan pengusaha ladang.

Trak pertanian serba guna bukan sahaja sesuai untuk kerja-kerja di ladang malah, sesuai untuk melakukan kerja-kerja pembersihan tanah kerana dilengkapi dengan *roller wip*.

Selain itu, trak tersebut turut berfungsi sebagai alat Hebrew rumput liar (*weeder*), penyembur racun serangga, pengangkut kayu hutan dan juga sebagai peralatan untuk memotong kayu.

Trak itu juga turut boleh digunakan sebagai pam air, memotong pelepah kelapa sawit dan sebagainya.

Usahanya selama ini tidak sia-

sia apabila berjaya menjalinkan kerjasama bersama YIM yang dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan inovasi tempatan.

YIM telah menghulurkan tangan untuk membantu Wagiman dan anaknya dengan mempamerkan hasil inovatif yang seperti trak serbaguna, kenderaan, peralatan dan alat-alat secara meluas melalui pelbagai pameran.

Sebagai seorang pereka, dia sentiasa mencari cara-cara untuk membuat perkara yang lebih baik dan sentiasa mencari penyelesaian kepada masalah harian.

Dia percaya bahawa pengalaman dalam bidang inovasi telah mengubah dirinya untuk menjadi seorang yang mudah diubah suai serta bekerja dengan lebih cekap.

Walaupun mengakui melakukan kerja-kerja inovasi ciptaan memerlukan tenaga yang banyak selain sentiasa memikirkan cara terbaik untuk menghasilkan sesuatu peralatan sehingga keletihan namun dia amat puas melihat hasil kerjanya itu membantu petani dan memberi pulangan besar kepada golongan tersebut.